

Headline	Tiada fatwa program khas haji haram		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	14	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	315 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,226
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,677



Kenyataan Dr. Mahathir terus dipertikai

# Tiada fatwa program khas haji haram

Oleh FITRI AFFENDI MUSTAFA

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 3 JAN.

**B**EKAS Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak wajar mempersoalkan Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) kerana tiada bukti kukuh menunjukkan dana program tersebut adalah daripada sumber yang haram.

Pensyarah Haji dan Umrah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), **Lukmanul Hakim Hanafi** berkata, tiada ulama atau fatwa di peringkat Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang pernah mengeluarkan kenyataan dana untuk program di bawah 1MDB diperoleh menerusi cara yang tidak betul.

Malah, beliau menegaskan, amalan haji mabrus hanya ditentukan menerusi niat seseorang serta akhlak yang ditonjolkan umat Islam selepas mereka pulang daripada menuaikan ibadah haji.

“Seperti dipetik dalam Kitab Fiqah *Bughyatul Mustarsyidin*, haji mabrus adalah apabila seseorang yang menuaikan haji itu balik dari Mekah, mereka telah mengamalkan akhlak yang mulia serta tidak lagi melakukan perkara dosa atau bersikap tinggi diri.

“Justeru, dakwaan Dr. Mahathir berkenaan haji mabrus tersebut hanya akan menggores lagi hati umat Islam yang telah menuaikan ibadah tersebut, malah daripada sudut Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan sendiri, tidak ada pandangan ulama yang mengatakan duit 1MDB adalah haram,” katanya ketika di-

hubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Baru-baru ini, Dr. Mahathir yang juga Pengurus Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) menyifatkan orang yang melaksanakan ibadah haji melalui program 1MDB tidak mendapat haji mabrus.

Dakwanya, haji yang tidak mabrus itu berpuncak daripada duit penajaan program tersebut

kononnya haram kerana dicuri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Mengulas lanjut, Lukmanul berkata, Program Khas Haji tersebut wajar diteruskan bagi memastikan dana kerajaan dapat disalurkan untuk program yang bermanfaat.

“Malah, program tersebut juga amat baik kerana ia tidak mengambil kuota yang ditetapkan kepada Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) serta memberi peluang lebih ramai umat Islam dapat menuaikan ibadah tersebut,” tegasnya.

Sementara itu, Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), **Muammar Ghadafi Jamaluddin** yang pernah mengikuti program berkenaan berkata, Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak wajar dipersoalkan kerana program tersebut telah membantu ramai umat Islam yang tidak

berkesempatan untuk menuaikan rukun Islam kelima itu.

“Saya berasa sedih apabila orang yang dipandang tinggi seperti Dr. Mahathir boleh membuat kenyataan seperti itu kerana ibadah haji sama ada mabrus atau tidak, itu adalah hak Allah yang menentukannya.

“Malah, semua pihak yang diberikan peluang telah meluahkan rasa gembira dan bersyukur dengan tajaan itu kerana kesempatan tersebut tidak mudah berlaku walaupun mereka mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk melakukannya,” katanya.



**Justeru, dakwaan Dr. Mahathir berkenaan haji mabrus tersebut hanya akan mengguris lagi hati umat Islam yang telah menuaikan ibadah tersebut, malah daripada sudut Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan sendiri, tidak ada pandangan ulama yang mengatakan duit 1MDB adalah haram.”**

**LUKMANUL HAKIM HANAFI**  
Pensyarah Haji dan Umrah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia

Headline	Tiada fatwa program khas haji haram		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	14	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	315 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,226
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,677



LUKMANUL HAKIM

MUAMMAR GHADAFI